



# RISALAH UNTUK PENGUNDI



**PRU14**  
**X**  
**UNDILAH**  
**PAS**

6 Syaaban 1439H / 22 April 2018 (Ahad)

| Bilangan: 02

## KERAJAAN BEBAS RASUAH KE ARAH NEGARA SEJAHTERA

Oleh: **USTAZ MOHD ASRI MAT DAUD**  
Ketua Penerangan  
Dewan Ulamak PAS Pusat

1. Memilih kerajaan adalah soal yang sangat penting dan besar dalam kerangka PRU-14 yang semakin hampir ini. Ini kerana kerajaan adalah pemacu kepada negeri dan negara yang ditadbir. Bumi Malaysia ini yang kaya dengan sumber alam seperti getah, petroleum, bijih timah serta sektor pertanian dan perladangan sepatutnya dibangunkan dengan lebih baik dan terurus.

2. Namun sehingga kini, amat mendukacitakan apabila laporan bajet kerajaan menunjukkan kerajaan masih berboros dalam berbelanja sehingga berlaku belanjawan defisit 18 tahun berturut-turut dan masih berlaku ketirisan dalam pengurusan perbelanjaan negara sehingga dianggarkan antara RM23 bilion hingga RM40 bilion setahun sebagaimana semakan berdasarkan Laporan Audit Negara.

3. Kerangka sebuah kerajaan yang terbaik adalah kerajaan yang menepati kepada kriteria yang disebutkan oleh Allah iaitu pemimpin serta penduduknya yang beriman dan bertaqwa. Kriteria ini jelas menyelesaikan permasalahan semasa negara dan mengundang keberkatan yang banyak.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami

timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan". [al-A'raf: 96]

Taqwa tidak hanya terhad kepada rakyat sahaja malah ia lebih menjurus kepada para pemimpin kerana mereka lah yang memacu urustadbir sesebuah negara tersebut. Sifat iman dan taqwa ini akan membendung sikap yang dilarang oleh syarak dan tindakan yang mendatangkan kerosakan ke atas negara.

4. Dalam pembentangan di Parlimen baru-baru ini mendapati laporan SPRM sejak tahun 2013 lagi tiadanya kepimpinan PAS yang terlibat dalam kes rasuah sementara pimpinan BN sebanyak 71 kes dan PH sebanyak 21 kes.

5. Fakta ini sepatutnya membuka mata rakyat di mana permasalahan negara adalah ekoran sikap integriti dalam kerajaan yang sedia ada. Sedangkan di Kelantan, selama 27 tahun PAS memerintah, masih lagi berjaya mengekalkan rekod sifar rasuah.

6. Rasuah adalah barah kepada negara dan perosak ekonomi. Sikap ini jika diteruskan akan lebih membarahkan keadaan yang sedia ada. Sebab itu rasuah ini merupakan salah satu dosa besar yang diancam dengan neraka.

Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Pemberi dan penerima rasuah (balasannya) di dalam neraka". [Riwayat Al-Tabarani]

7. Dalam membina negara sejahtera, memilih kerajaan yang bebas rasuah adalah pilihan yang adil dan bijak. Kerajaan bebas rasuah merupakan hasil dari sifat iman dan taqwa yang ada dalam seseorang pemimpin dan sesebuah kerajaan. Justeru, model yang sudah ada di Kelantan mesti dikekalkan malah perlu diperluaskan ke semua negeri dan juga di peringkat Persekutuan.